

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	5 NOVEMBER 2016

# Jack Ma dilantik penasihat ekonomi digital

BH - 5/11/2016

[FOTO BERNAMA]



Najib dan Ma pada majlis perasmian Malaysia Tourism Pavilion Alitrip di Beijing, semalam.

➔ Bantu teraju pembangunan e-dagang negara

**Shariffudin Mohamed**

► Beijing



**P**engasas dan Pengerusi Eksekutif syarikat gergasi e-dagang, Alibaba, Jack Ma, dilantik sebagai penasihat ekonomi digital kepada Kerajaan Malaysia bagi meneraju pembangunan e-dagang negara.

Bercakap pada sidang media bagi mengakhiri lawatannya ke China selama seminggu hari ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata pelantikan itu akan membuka bidang baharu kepada ekonomi Malaysia.

### Setuju hadir forum

Beliau berkata, Ma juga memberi komitmen untuk menghadiri Forum Transformasi Global di Malaysia anjuran Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU) pada 23 Mac tahun depan.

Sebelum itu, Perdana Menteri merasmikan Malaysia Tourism Pavilion Alitrip yang berkonsep e-dagang dalam usaha menarik pe-

lancong China ke Malaysia.

“Serentak itu juga, kita akan melancarkan e-Zon Bebas Cukai (e-FTZ) seperti pengumuman saya dalam Bajet 2017 baru-baru ini. Tidak lama maknanya dalam suku pertama 2017 kita akan melancarkan e-FTZ yang pertama di dunia,” katanya.

Najib berkata, dalam menggubal konsep e-FTZ, termasuk ciri-cirinya dan peraturan, Malaysia akan berbincang dengan Ma kerana beliau memang pakar dalam e-dagang.

“Ma dianggap ikon global dalam bidang teknologi maklumat sudah tentu beliau amat sesuai. Kita akan melihat beberapa perkara, termasuk Alipayment dan perbankkan dalam talian. Ini semua dibuat secara pakej dalam e-dagang,” katanya.

Sambil memuji Alibaba, beliau berkata, syarikat itu ada membangunkan sistem dalam talian yang cekap hingga permohonan pinja-



Ma dianggap ikon global dalam bidang teknologi maklumat sudah tentu beliau amat sesuai”

**Najib Razak,**  
Perdana Menteri

man boleh lulus dalam tiga minit menggunakan data besar.

**Peniaga PKS terima manfaat**  
Perdana Menteri berkata, perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di Malaysia juga akan mendapat manfaat apabila boleh menggunakan portal Alibaba untuk menjual produk ke China.

Beliau berpendapat jika negara mahu pertumbuhan berganda mesti terbabit dengan e-dagang dan ekonomi digital.

Selain Ma, Najib menemui pengasas syarikat utama China, iaitu kumpulan Tencent dan Wanda yang turut menyatakan hasrat menyertai ekonomi digital di Malaysia.

Najib dalam ucapan perasmianya berkata, Malaysia Airlines akan memperkenalkan lapan destinasi dan 11 laluan baharu ke China mulai Januari 2017.